

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membentangkan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti atau undang-undang yang seumpamanya seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri dan sekiranya ya, sama ada ia akan dibentangkan, diluluskan dan mula berkuatkuasa sebelum pilihan raya yang akan datang.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan untuk mewujudkan suatu peruntukan undang-undang berkaitan anti-lompat parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan khususnya peranan institusi Parlimen akan terus diperkasakan. Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk

memastikan undang-undang berkaitan anti-lompat parti yang akan digubal dapat melindungi hak rakyat negara ini.

Selaras dengan perkara ini dan mengambil kira kewajaran untuk pembentangan dilaksanakan secepat mungkin, Kerajaan akan memastikan sesi libat urus yang menyeluruh diadakan bersama pihak berkepentingan, badan bukan Kerajaan, ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta rakyat agar Rang Undang-Undang baharu yang diperkenalkan mendapat sokongan semua pihak. Sesi libat urus ini juga akan memastikan hala tuju dan parameter gubalan undang-undang ini dapat ditetapkan serta tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang lain yang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri.

Pada ketika ini, Kerajaan sedang mengkaji undang-undang yang digunakan di peringkat Negeri, termasuk kes Mahkamah yang berlaku di beberapa negeri melibatkan pelaksanaan perundangan berkaitan lompat parti. Selain itu, Kerajaan turut meneliti model perundangan beberapa buah negara seperti India, Singapura, New Zealand dan United Kingdom melibatkan peruntukan lompat parti. Dapatan daripada kajian ini akan dibincangkan melalui sesi libat urus bi-partisan yang dijangka diadakan pada November 2021.

Dalam hal ini, semua dapatan daripada kajian undang-undang, model perundangan negara luar dan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan termasuk bersama bi-partisan akan dianalisa dan dimuktamadkan sebagai parameter gubalan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti atau undang-undang yang seumpamanya untuk sesi pembentangan yang dijangka pada sidang Parlimen tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN  
DR. MAHATHIR [JERLUN]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menghidupkan semula dasar Malaysian Incorporated, memandangkan Rancangan Malaysia Ke-12 menetapkan bahawa pihak swasta akan memainkan peranan yang penting dalam kemajuan negara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Persyarikatan Malaysia atau dengan izin, *Malaysia Incorporated Policy* telah diperkenalkan pada tahun 1981. Melalui dasar ini, sektor swasta akan melaksanakan aktiviti perdagangan dan ekonomi. Manakala sektor awam menyediakan dasar utama dan perkhidmatan sokongan yang kondusif bagi kemajuan aktiviti perdagangan dan ekonomi.

2. Bagi menyokong kesinambungan Dasar Persyarikatan Malaysia, Kerajaan telah melancarkan Dasar Penswastaan pada tahun 1983 dan Garis Panduan Mengenai Penswastaan pada tahun 1985 yang mengariskan secara terperinci mengenai objektif dasar, kaedah penswastaan dan jentera pelaksanaannya. Selanjutnya, pada tahun 1991, Kerajaan telah mengeluarkan Pelan Induk Penswastaan menjelaskan dasar dan strategi program penswastaan.

3. Seterusnya, Kerajaan mulai tahun 2009 telah memperkenalkan pendekatan Kerjasama Awam Swasta atau dengan izin, *Public Private Partnership* (PPP) bagi mengukuhkan jalinan kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta dalam mempergiatkan usaha-usaha merencanakan pelaburan swasta dalam pembangunan ekonomi negara.

4. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), sektor swasta serta pertubuhan masyarakat sivil (CSO) akan terus menjadi rakan pembangunan utama kepada Kerajaan selaras dengan pendekatan keseluruhan negara atau dengan izin, '*whole-of-nation approach*' dan akan terus memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Agenda 2030. Ekosistem yang menyokong penyertaan sektor swasta dalam pembangunan akan terus ditambah baik seperti memudah cara peraturan kawal selia serta meningkatkan libat urus dan konsultasi dengan sektor swasta dan CSO dalam merangka dasar. Penyampaian perkhidmatan awam akan diperkukuh bagi memudahkan urusan menjalankan perniagaan.

Sekian, terima kasih.